

**FAKTOR KONFLIK RUMAHTANGGA DAN KAEDAH MENGATASI:
SATU PENDEKATAN TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK**

Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon,
Nursyafiqah Bokhari
mariam@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Keharmonian dalam rumah tangga penting dalam menjamin kesejahteraan sesebuah institusi keluarga. Konflik merupakan antara faktor penyumbang berlakunya kepincangan dalam rumah tangga malahan dalam keadaan yang serius ianya berupaya menjurus kepada keruntuhan sebuah institusi keluarga. Artikel ini merupakan penulisan tinjauan literatur sistematik. Hasil carian menemukan sebelas artikel berkaitan faktor berlaku konflik dalam rumahtangga dan kaedah mengatasi. Dapatan maklumat daripada keseluruhan artikel mendapati konflik dalam rumah tangga timbul disebabkan beberapa faktor luaran dan dalam. Konflik tersebut boleh diatasi menerusi peranan diri sendiri, orang tengah serta pihak berautoriti. Adalah diharapkan dapatan ini menyumbang manfaat dalam membendung konflik yang berlaku dalam rumah tangga seterusnya dibimbangi boleh menjurus ke arah keruntuhan sesebuah institusi keluarga.

Kata kunci: Faktor konflik rumahtangga, kaedah mengatasi, kajian literatur sistematik.

1.0 PENGENALAN

Konflik adalah sesuatu yang neutral dan tidak boleh dielakkan daripada proses semulajadi untuk perubahan dan pembangunan. Konflik ialah satu keadaan di mana kepentingan atau matlamat dua atau lebih individu dianggap sebagai tidak bersesuaian (Klar, Bar-Tal & Kruglanski, 1988; Thomas, 1976; Schmidt & Kochan, 1972; Pruitt & Rubin, 1986; Putnam & Poole, 1987, dalam Rhoades (1999).

Konflik menurut pandangan sarjana Islam lebih terperinci kerana wahyu menjadi perkara tunjang dalam suatu pandangan sarwa Islam (*Islamic Worldwide*). Bharuddin Che Pa dan Ajidar Matsya (2013), menjelaskan konflik dalam perkataan Bahasa Arab adalah *خلاف* dan *اختلاف*. Secara asasnya kedua-dua kalimat ini membawa maksud yang sama iaitu konflik namun sebahagian ulama cuba untuk membezakannya. Kalimat *خلاف* biasanya merujuk kepada perbezaan pandangan atau konflik secara internal seperti yang disebutkan dalam Surah Huud ayat 88:

وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنهَأَكُمُ عَنْهُ

“Dan Aku tidak berkehendak menyalahi kamu
(dengan mengerjakan) apa yang aku larang”

(Hud 11:88)

Ayat di atas menjelaskan konflik berlaku ketika wujud pertentangan iaitu melakukan sesuatu yang dilarang untuk dilakukan. Hashim (2001) menyatakan bahawa terdapat beberapa bentuk konflik iaitu konflik kandungan, konflik nilai, konflik ego dan konflik hubungan. Konflik kandungan ialah konflik yang berkaitan dengan ketepatan mesej iaitu pentafsiran fakta atau istilah yang berkaitan dengan objek, kejadian atau peribadi. Konflik nilai ialah konflik yang melibatkan kepercayaan atau keyakinan. Konflik nilai timbul apabila individu mempunyai nilai yang berbeza daripada realiti yang dihadapinya. Manakala

konflik ego ialah konflik yang melibatkan ego individu untuk mencari kemenangan bagi dirinya dan tidak mahu mengalah baik dalam pegangan, nilai, pendapat, keperibadian dan sebagainya. Seterusnya, konflik hubungan pula ialah keadaan yang berpunca daripada tiga bentuk di atas iaitu konflik yang membawa kepada masalah antara komunikasi seperti retaknya hubungan atau permusuhan antara individu, kumpulan atau organisasi.

Konflik hubungan sering dikaitkan dengan konflik yang wujud dalam rumah tangga atau keluarga. Konflik dan perasaan negatif yang muncul dalam hubungan rumah tangga jika tidak diuruskan dengan efektif, boleh mencetuskan bibit-bibit keretakan dalam hubungan suami dan isteri. Sekiranya masalah ini tidak dapat ditangani dengan baik dan matang, dibimbangi berlakunya perceraian ekoran masalah rumah tangga yang dihadapi (Abe Sophian et al., 2014).

Antara kaedah menangani konflik ialah dengan melihat dan memahami permasalahan yang dihadapi agar konflik yang wujud dapat diselesaikan dengan sempurna dan konflik masih terus berlaku (Edward De Bono, 1985). Beberapa kaedah disarankan dalam usaha menangani konflik dalam rumah tangga antaranya sikap kerjasama antara dua pihak yang berkonflik dan mencari alternatif penyelesaian untuk kepentingan bersama (Zainal Ariffin Ahmad, 2007). Selain itu, pihak ketiga berperanan dalam bantu menyelesaikan sesuatu konflik yang berlaku. Nilai, ketrampilan dan pola interaksi dalam keluarga yang berkualiti berupaya mencorak keluarga yang kukuh dan berperanan serta tiada konflik (Rozumah & Rumaya, 2013).

Demikianlah, konflik penting ditangani segera terutama apabila ianya berlaku dalam sesebuah institusi rumah tangga. Ini bagi mengelakkan daripada berlakunya masalah lebih serius seperti perceraian yang mengakibatkan runtuhnya sebuah dalam institusi keluarga.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Terdapat beberapa kaedah penulisan kajian literature sistematik yang diperkenalkan antaranya oleh Kitchenham & Charters, Okali & Schabram, Denyer & Tranfield dan Levy & Ellis. Penulisan artikel kajian literatur sistematik ini berasaskan Kitchenham & Charters (2007) yang menyusun langkah dalam penulisan kajian literature sistematik adalah merancang, melaksana dan melaporkan. Proses merancang dimulakan dengan mengenalpasti objektif carian dan menghasilkan *protocol review* seterusnya dalam langkah melaksana, carian dilakukan serta memilih sumber utama yang berkaitan, menilai kualiti, mengeluarkan data dan membuat sintesis data sebelum menulis laporan (Kitchenham & Charters, 2007).

2.2 Strategi Pencarian

Pencarian dilakukan dengan menggunakan kata kunci pencarian dalam Bahasa Melayu iaitu “konflik”, “rumah tangga”, “faktor”, “kaedah” dan “mengatasi” dan kata kunci pencarian dalam Bahasa Inggeris iaitu *conflict*, *household*, *factor*, *method* dan *overcome*. Kombinasi kata kunci di atas dilakukan tanpa menghadkan tahun penerbitan. Pangkalan data yang digunakan ialah *Science Direct*, *Google Scholar* serta web pangkalan data universiti awam seluruh Malaysia. Tajuk dan abstrak diteliti bertujuan mengenal pasti artikel berkaitan konflik dalam rumahtangga dan faktor mengatasi menggunakan pangkalan data *Google Search Engine* dengan memasukkan nama tajuk artikel dan akronim setiap artikel yang dikenal pasti.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 11 artikel yang ditemui berkaitan faktor konflik yang berlaku dalam rumah tangga dan kaedah mengatasi. Maklumat dalam artikel tersebut diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Data Artikel

Bil	Kajian	Tajuk	Objektif	Metod	Dapatan	
					Faktor	Kaedah
1.	Fadillah Ismail, UTHM, 2016	Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga	Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keharmonian dan keruntuhan rumah tangga	Kuantitatif SPSS	Komunikasi Kewangan Kesetiaan Kekeluargaan Penderaan Seksualiti Pengurusan konflik	Sentiasa ceria, bekerjasama, bertolak ansur untuk memahami antara satu sama lain. Sokong menyokong, bertukar-tukar pendapat, menunjukkan kasih sayang terhadap pasangan. Meluahkan segala masalah yang dihadapi kepada pasangan.
2.	Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan	Kajian: Krisis Rumah Tangga; Punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan akta undang-	Membincangkan tentang krisis rumah tangga, punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan Akta Undang-Undang	Kualitatif	Faktor-Faktor Dalaman Kurang tahap kefahaman agama Tekanan bebanan kerja Sikap kesihatan Faktor-faktor	Kursus Pra Perkahwinan & Khutbah Nikah Penyelesaian Peringkat Suami Isteri Penyelesaian Menggunakan

		undang keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984	Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.		Luaran Campur tangan keluarga secara berlebihan Masalah ekonomi.	Khidmat Orang Tengah Memberi nasihat dan peringatan terhadap hak-hak dan tanggungjawab suami isteri yang mungkin terlupa.
3.	Nur Dalilah Zakaria, Raihanah Azhari 2013	Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Mengkaji dan mengukur impak agama terhadap konflik perkahwinan.	Kualitatif	Komunikasi Seks Penjagaan anak Pengurusan rumah tangga Pendekatan Keagamaan Masa Lapang Hubungan Sosial	
4.	Nurul Atieka Universitas Muhammadiyah Metro. 2011	Jurnal : Mengatasi Konflik Rumah Tangga	Membincangkan tentang membina keluarga bahagia, dan penyebab konflik perkahwinan dan punca keruntuhan sesebuah institusi keluarga	Kualitatif	Keperibadian Umum Ketidakmatangan keperibadian Ada sifat-sifat keperibadian yang tidak sesuai untuk menjalin hubungan perkahwinan	

					<p>Adanya perbezaan pemikiran (mental)</p> <p>Hal-hal lain Kewangan Kehidupan sosial Pendidikan anak Masalah agama Hubungan dengan mertua- ipar Tidak bersama dalam hubungan seksual Ketidak puasan seksual</p>	
5.	Mohd Fuad Salleh, 2015	Konflik Keluarga Islam dan Kaedah Penyelesaian di Mahkamah Syariah di Selangor	Ingin memahami peranan Mahkamah Syariah menyelesaikan konflik keluarga Islam.	Kualitatif, Kajian Kes		Saman akan dikeluarkan kepada pihak-pihak berkonflik untuk menghadiri sesi perundingan dengan pegawai Sulh.
6.	Cherni Rachmadani 2013	Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbedaan Tingkat Penghasilan di RT.29 Samarinda Seberang	Membincangkan tentang bagaimana mengatasi konflik rumah tangga dalam kalangan pasangan yang telah dikenal pasti. Turut dibincangkan dalam kajian ini adalah perbincangan yang berkenaan dengan	Kualitatif, Temubual	Perbezaan pendapatan penghasilan / Ekonomi Pembahasan / Komunikasi	Strategi dalam berkomunikasi seperti adanya keterbukaan satu sama lain sehingga konflik yang terjadi dapat diselesaikan. Komunikasi yang dilakukan diharapkan dapat memilih waktu yang khusus

			perasaan dan masalah-masalah peribadi yang dialaminya.			seperti <i>face to face</i> , waktu yang tepat dan tempat untuk refreshing.
7.	Eva Meizara Puspita Dewi, Basti. 2008	Konflik Perkahwinan & Model Penyelesaian Konflik Pada Pasangan Suami Isteri	Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis perbezaan intensif konflik perkahwinan pada pasangan suami isteri yang tinggal bersama dan yang tinggal terpisah dan cara penyelesaian konfliknya	Metod kuantitatif dan dilengkapi dengan data kualitatif.	Perselisihan, Pertentangan dan konflik dalam suatu rumah tangga. Kecurigaan dan kecemburuan lebih tinggi.	Pasangan suami isteri memiliki kualitas interaksi perkahwinan yang tinggi. Perubahan gaya hidup dan penyesuaian diri terhadap tuntutan peranan dan tanggungjawab dari suami mahupun isteri.
8.	Mohd Helmi Abd Rahim, Mohd Nizam Osman 1999	Mengesahkan Teori Taktif Konflik dalam Keluarga & Keganasan Hubungan Suami Isteri: Suatu Perbandingan Antara Budaya.	Memperkembangkan dan membangunkan wadal ilmu yang berkaitan dengan taktik konflik, mengkhusus kepada keluarga dan keganasan dalam hubungan suami isteri.	Kualitatif Soal selidik, persampelan		Konstruk pemberian alasan; penggunaan perbincangan rasional, perbahasan dan alasan pendekatan intelektual kepada ketegangan. Konstruk penyerangan lisan; penggunaan perlakuan lisan dan tanpa lisan yang mana secara simbolik menyakiti orang lain, atau penggunaan ancaman untuk menyakiti orang lain. Konstruk

						keganasan; Penggunaan desakan fizikal terhadap orang lain sebagai suatu kaedah menangani konflik.
9.	Nurhanisah Hadigunawan, Raihanah Azahari. 2016	Penghayatan Islam dan Hubungannya Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.	Kajian ini menganalisa dan membincangkan tahap pelaksanaan nilai-nilai Islam di antara pasangan yang berkepentingan bersama dengan sebab pengabaianya dan juga melihat hubungan antara pelaksanaan nilai-nilai Islam dan konflik domestik.	Kualitatif, Temubual 10 pasangan yang menghadapi konflik dalam rumah tangga.	Sikap diri sendiri; Cepat marah, keras hati dan kuat cemburu Tidak bertanggung-jawab sebagai seorang suami mahupun isteri dalam rumah tangga.	Sifat positif yang perlu ditanam dalam diri: Sifat Keterbukaan, merendah diri, bertolak ansur dan saling mengamalkan teknik komunikasi yang berkesan. Penghayatan Islam berperanan secara tidak langsung dalam konflik rumah tangga.
10.	Wan Anor Bin Wan Sulaiman, Risalshah Latif. UMS, 2014	Kaunseling Keluarga: Isu Dan Cabaran	Memberi pendedahan tentang isu-isu yang berlaku di dalam keluarga yang boleh meruntuh institusi keluarga. Seterusnya memberi pendedahan juga bagaimana pandangan teori tentang masalah yang wujud dalam sesebuah keluarga.	Kualitatif, Temu bual dalam kalangan kaunselor	Tingkah laku dan sikap tidak sesuai dengan pasangan Tahap kefahaman agama kurang dalam diri setiap pasangan Pengurusan ekonomi rumah tangga tidak betul Komunikasi pasangan dan keluarga tidak lancar.	

					Tidak ambil berat tentang kesihatan, pendidikan dan keperluan emosi dalam keluarga. Masalah peribadi yang tidak boleh dikongsi: emosional, cemburu buta, mendera dan pentingkan perasaan sendiri.	
11.	Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari. UPM, 2013	Pengantar Perkahwinan dan Keluarga	Membincangkan tentang keluarga yang berhadapan dengan konflik serta cara untuk mengatasi konflik dalam institusi kekeluargaan.	Analisis Kandungan	Peranan gender Kesetiaan Kewangan Seks Anak-anak	Memperjelaskan isu yang menjadi punca konflik Mengenal pasti apa yang dikehendaki oleh semua individu terlibat Mengenal pasti alternatif yang ada Membuat keputusan bagaimana hendak berunding Memperkuhkan keputusan yang dibuat dan mengulas serta berunding bagi memasti dan memperakui keputusan yang telah dibuat.

Artikel dalam Jadual 1 ini adalah hasil penulisan kajian sarjana, artikel prosiding, jurnal dan penyelidikan. Analisis terhadap 11 artikel dalam jadual 1 mendapati sebanyak 9/11 (81%) daripada artikel menjelaskan berkaitan faktor konflik dalam rumahtangga dan 8/11 (72%) artikel membincangkan tentang kaedah menangani konflik dalam rumahtangga. 6/11 (54%) artikel ini membincangkan kedua-dua faktor berlaku dan kaedah mengatasi konflik dalam rumah tangga.

Dua bentuk faktor iaitu dalaman dan luaran dinyatakan menyumbang kepada timbulnya konflik dalam rumah tangga. Faktor luaran yang dinyatakan ialah masalah ekonomi, masalah seksual, campur tangan pihak ketiga, tahap keadaan kesihatan dan masalah sosial manakala faktor dalaman yang menyebabkan wujudnya konflik dalam rumah tangga berpunca daripada kurang pengetahuan agama, emosi yang tidak stabil, cemburu, berbeza pandangan, masalah dalam komunikasi dan tidak bertanggungjawab.

Daripada keseluruhan artikel yang ditemui, sebanyak 5/11 (45%) artikel menyatakan bahawa aspek ekonomi adalah faktor tertinggi menyebabkan konflik dalam rumahtangga, 4/11 (36%) menjelaskan kerana faktor kurang pengetahuan agama, 4/11 (36%) berpunca daripada masalah seksual dan 4/11 (36%) adalah kerana masalah emosi, 3/11 (27%) kerana perasaan cemburu, 3/11 (27%) sebab perbezaan pendapat, 3/11 (27%) timbul kerana masalah komunikasi, 2/11 (18%) kerana sikap tidak bertanggungjawab, 2/11 (18%) kerana campur tangan pihak ketiga, 2/11 (18%) masalah tahap kesihatan dan 1/11 (9%) berpunca daripada masalah sosial. Faktor ekonomi adalah peratusan tertinggi dinyatakan sebagai faktor yang menimbulkan konflik manakala faktor kurang pengetahuan agama serta masalah emosi adalah faktor dalaman tertinggi yang menyumbang kepada berlakunya konflik dalam rumahtangga.

Di samping faktor berlaku konflik, artikel dalam jadual 1 turut mengemukakan perbincangan berkaitan kaedah mengatasi konflik dalam rumah tangga. Analisis daripada keseluruhan artikel mendapati sebanyak 8/11 (73%) artikel menyatakan kaedah mengatasi konflik dalam rumah tangga ialah dengan menerapkan sifat keterbukaan dan penghayatan Islam yang tinggi, 5/11 (45%) mengemukakan kaedah interaksi dengan pasangan, 4/11 (36%) menyarankan dengan memupuk sifat bertanggungjawab, 4/11 (36%), mencadangkan kaedah komunikasi dengan baik, 2/11 (18%) menjelaskan penggunaan khidmat orang tengah berbincang antara pasangan yang berkonflik dan 1/11 (9%) memberi cadangan mengenakan tindakan undang-undang kepada pasangan yang berkonflik. Mengatasi konflik bukan suatu perkara yang mudah kerana memerlukan sikap toleransi yang tinggi bagi memastikan setiap konflik itu berjaya diatasi dengan lebih harmoni.

Daripada keseluruhan artikel, sebanyak 8/11 (73%) dapatan dalam kajian artikel dihasilkan menggunakan metode kualitatif dan sebanyak 2/11 (18%) metode kuantitatif.

4.0 PERBINCANGAN

Pertambahan kes konflik rumah tangga yang berlaku dalam rumah tangga membimbangkan masyarakat pada masa kini kerana boleh menyumbang berlakunya implikasi penceraian (Fadhillah Ismail, 2016). Penghasilan data kajian baru menjadi keperluan dalam usaha mengekalkan keharmoniaan dan keutuhan rumah tangga seterusnya mengatasi konflik rumah tangga dan keganasan rumah tangga yang berlaku dengan begitu pesat dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia (Haliza et.al , 2015).

Kajian tinjauan literatur dalam artikel ini mendapati beberapa faktor luaran iaitu masalah ekonomi, masalah seksual, campur tangan pihak ketiga,

tahap keadaan kesihatan dan masalah sosial serta faktor dalaman iaitu kurang pengetahuan agama, emosi yang tidak stabil, cemburu, berbeza pandangan, masalah dalam komunikasi dan tidak bertanggungjawab menyebabkan wujudnya konflik dalam rumah tangga berpunca daripada. Faktor ekonomi dinyatakan sebagai peratusan tertinggi yang menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga. Perkembangan ekonomi yang berlaku secara tidak langsung membawa kepada pertambahan bebanan, peranan serta komitmen yang menyebabkan tekanan (Rohaiza, 2011). Tekanan yang dihadapi oleh pasangan suami atau isteri jika tidak dapat dikawal boleh menjadi salah satu punca yang boleh membabitkan konflik dalam rumah tangga.

Kurang pengetahuan agama merupakan satu aspek yang perlu diberi perhatian dalam kalangan pasangan rumah tangga. Nur Dalilah dan Raihanah (2013) menunjukkan hampir separuh data yang dikaji menfokuskan kepada aspek keagamaan dan personaliti pasangan. Aspek keagamaan banyak dikaitkan dengan perkembangan peribadi manusia yang baik, prestasi kerja yang cemerlang serta kesejahteraan minda dan kesihatan dalam menentuai sesebuah institusi keluarga. Pengukuran faktor konflik rumah tangga dan kaedah mengatasi turut banyak dikaitkan dengan aspek kerohanian terutama apabila melibatkan tanggungjawab setiap pasangan.

Dapatan artikel menyatakan bahawa kurang tahap kefahaman agama adalah antara penyebab timbul konflik dalam rumah tangga. Ini menunjukkan pentingnya pegangan kepada agama menangani konflik bagi mengelakkan berlakunya ketidak persefahaman yang berpanjangan kepada pasangan yang telah berumah tangga. Konflik yang tercetus dalam kalangan pasangan suami dan isteri merupakan antara halangan dan cabaran dalam mengekalkan kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga. Keputusan mengakhiri perkahwinan mereka dengan

perpisahan atau perceraian dibuat apabila halangan dan cabaran yang berlaku sukar dihadapi sehingga rumah tangga yang dibina gagal untuk dipertahankan (Raihanah Abdullah, 2001).

Nurhanisah dan Raihanah (2016) turut mengemukakan dapatan yang sama iaitu asas didikan agama merupakan sebahagian elemen dalam penghayatan Islam yang berkait rapat dengan konflik rumah tangga. Tingkah laku dan sikap bertanggungjawab serta kefahaman agama perlu dititik beratkan dalam menghadapi konflik rumah tangga supaya dapat diatasi dengan bijak. Sikap tidak cakna terhadap tanggungjawab juga menjadi faktor yang menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga. Pengabaian tanggungjawab didapati antara faktor berlaku masalah perceraian seperti suami meninggalkan isteri tanpa berita (Sabariah Baharum, 1989). Kebanyakan masyarakat orang Melayu pada masa ini kurang mengambil berat tugas serta tanggungjawab mereka untuk membina dan membentuk keluarga muslim yang sebenar atau dengan kata lain lupa dan lalai terhadap tugas serta tanggungjawab tersebut (Saedah Siraj, 2001).

Selain itu, emosi yang tidak stabil juga boleh menyebabkan konflik jika masalah peribadi ini tidak dikawal dengan baik. Cemburu yang tinggi juga boleh menyebabkan konflik dalam rumah tangga (Wan Anor & Risalshah, 2014). Wujud perasaan cemburu pasangan yang berlebihan turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya konflik yang boleh membawa kepada bibit-bibit perceraian rumah tangga dalam masyarakat. Fenomena ini menjadi lebih kronik apabila pihak suami atau isteri tidak mengambil inisiatif untuk menjaga batas dan bebas dalam pergaulan mereka sewaktu keluar bekerja kerana boleh mengakibatkan berlakunya perceraian (Roslee, 1999). Demikianlah dapatan kajian menerusi kajian literature berkaitan faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga dan kaedah mengatasi dalam kajian-kajian yang lepas.

5.0 KESIMPULAN

Hasil carian artikel menerusi kajian literature ini mendapati terdapat faktor luaran dan dalaman yang boleh mencetuskan konflik dalam rumah tangga. Kewujudan konflik ini penting dikenal pasti dan ditangani dengan kadar segera bagi mengelakkan keadaan lebih serius berlaku seperti kepincangan dalam rumahtangga yang boleh menjurus ke arah keruntuhan institusi keluarga. Dapatan kertas ini diharap dapat membantu pengkajian lanjut berkaitannya.

RUJUKAN

- Abe Sophian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar. (2014). “*Faktor Penceraian Di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010*.” *Jurnal Islamiyyat*. 36 (1) Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asiah Bt Ali, Irkhaniza Bt Md Rahim, Mohamed Sharif Bin Mustafa. (2008).”Peranan Komunikasi Dalam Hubungan Kekeluargaan” dibentangkan dalam Semibar Kaunseling Keluarga di Universiti Teknologi Malaysia.
- Barbara Kitchenham, and Stuart Charters. EBSE 2007-001. *Guidelines For Performing Systematic Literature Reviews In Software Engineering. Keele University And Durham University Joint Report.*
- Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah (2013). “Konflik Politik dan Penyelesaian menurut Perspektif Islam. Kerta Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI. UiTM Sarawak.
- Cherni Rachmadani. (2013). Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbedaan Tingkat Penghasilan di RT.29 Samarinda Seberang.
- Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti. (2008). Konflik Perkawinan dan Model Penyelesaian Konflik Pada Pasangan Suami Istri. Fakultas Psikologi Universitas Negeri Makassar.
- Fadhillah Ismail. (2016). Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. Prosiding Universiti Tun Hussin Onn.
- Fikhry Hakim Bin Fadzilullah (2015). Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat dan Islam: Suatu Perbandingan. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM.
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim dan Intan Nadia Ghulam Khan. (1984) Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan).
- Mahmudul Hasan, Rasimah Che Mohd Yusoff, Nurazeen Maarop, Suriani Mohd Sam, Norziha Megat Mohd Zainuddin (2016), *Factors Influencing Knowledge Sharing Behavior In Virtual Communities Under Disaster Conditions: A Case Study Of Bangladesh*. Proceeding of the First International Conference on ICT for Transformation 2016.
- Malike Brahim. (2008). *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Mohd Fuad Salleh, (2015). Konflik Keluarga Islam dan Kaedah Penyelesaian di Mahkamah Syariah di Selangor. Universiti Selangor (UNISEL)
- M. Ahnan & Ummu Khoiroh, MA. 2001. Poligami Di Mata Islam.
- Mohd. Helmi Abd Rahim & Mohd Nizam Osman (1999). “Mengesahkan Teori

Taktik Konflik dalam Keluarga dan Keganasan Hubungan Suami Isteri: Suatu Perbandingan Antara Budaya”. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 15,1999. m.s 153-170.

- Nurul Atieka (2011). “Mengatasi Konflik Rumah Tangga”. *Jurnal Universitas Muhammadiyah Metro*.
- Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari (2016). Penghayatan Islam dan Hubungannya Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.
- Raihanah Abdullah. (2001). *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah Dalam Wanita dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.
- Rhoades, J. A. “The Cognitive Representation Of Responses To Social Conflict: The Development Of An Integrative Taxonomy”. *International Journal of Conflict Management*, 1999, Vol. 10 Issue 4, h360 - 385.
- Rohaiza Abd.Rokis. (2013). “Islam And Modernity: A Case Of Muslim Female Engineers In Malaysia”. *Jurnal Of Islam In Asia*. Spl. Issue. (2)
- Roslee bin Haji Abbas. 1999. “Faktor-faktor Penyebab Perceraian Keluarga”. *Jurnal Kebajikan*: Edisi Ke-21.
- Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari (2013). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang: UPM Press.
- Sabariah Binti Baharum. (1989). *Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau*. t.tp: t.pt.
- Saedah Siraj. (2001). *Pendidikan Rumah Tangga*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Wan Anor Bin Wan Sulaiman dan Risalshah Latif (2014). “Kaunseling Keluarga: Isu dan Cabaran”. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah, UMS.
- Zaini Nasohah. (2000). *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd: Kula Lumpur
- Zaleha Muhamat (2002). *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur :Utusan Publications.
- Zaleha Yazid, Nur Atikah Abdullah & Rosmarina Baharom. (2017). “Konflik dalam Proses Penilaian Prestasi dalam Organisasi”. *Jurnal Pengurusan*, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM.

Akhbar

Artikel Harian Metro, 2018. Tak Semua Rela Bermadu.

Rencana Utusan Malaysia, 2003. Terimalah Hakikat Bermadu